

**TEKS UCAPAN**

**PROF. DR. D. KAMARUDIN BIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PENGHARGAAN PESERTA PROGRAM  
*GAP YEAR (SUMMER VOLUNTEERISM)*  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA 2017**

**25 OGOS 2016 (JUMAAT) | 9.00 PAGI  
DEWAN MESYUARAT, TINGKAT 1, BANGUNAN DEWAN  
BANDARAYA KOTA KINABALU**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati  
Sejiwa

## **SALUTASI**

Yang Berbahagia Datuk Yeo Boon Hai  
Mayor Bandaraya Kota Kinabalu

Yang Berusaha Profesor Dr. Ismail Bin Ali  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni, Universiti Malaysia Sabah

Yang Dihormati, En. Robert Lipun, Pengarah  
Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya

Yang Dihormati, En. Ahmadi Hj. Nurdin, Ketua  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS

-Pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar

-Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kota  
Kinabalu

-Sahabat Media

-Yang diraikan, Peserta Program *Gap Year*  
(*Summer Volunteerism*) Kementerian Pendidikan  
Tinggi Malaysia 2017, tuan-tuan dan puan-puan  
yang saya hormati sekalian.

## **Mukadimah**

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Penghargaan Peserta Program *Gap Year (Summer Volunteerism)* Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia 2017 pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran Yang Berbahagia Datuk Yeo Boon Hai, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu walaupun mempunyai kepadatan jadual program lain tetapi masih dapat hadir bersama-sama kita pada hari ini.

***Yang Berbahagia Datuk, Hadirin dan hadirat yang dihormati,***

Program *Gap Year* telah diumumkan semasa Majlis Amanat Menteri 2017 oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia bagi memenuhi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 [PPPM (PT)] iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan. *Gap Year* merupakan program yang akan dilaksanakan dalam jangka masa setahun untuk pelajar membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi program kesukarelawanan,

*(a year of self-reflection and self-discovery through volunteerism)*. *Gap Year* direka bentuk dengan keistimewaan yang membenarkan pelajar memilih untuk menangguhkan pengajian bagi melaksanakan kerja-kerja kesukarelawanan yang telah direncanakan dengan agensi yang terpilih. Untuk makluman semua yang hadir, terdapat tiga bentuk program *Gap Year* iaitu:

- *Gap Year - Kesukarelawanan Khidmat Negara,*
- *Gap Year - Kesukarelawanan; dan*
- *Gap Year - Umum.*

Menteri Pendidikan Tinggi sendiri memilih Universiti Malaysia Sabah menjadi salah satu antara 9 Universiti Peneraju bagi program *Gap Year* Kesukarelawanan ini. Di antara Universiti Peneraju lain seperti:

- 1.Universiti Utara Malaysia (UUM) – bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- 2.Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) – bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



3. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) – bersama Islamic Relief Malaysia (IRM)
4. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) – bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
5. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) – bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
6. Universiti Malaysia Sabah (UMS) – bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)
7. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

- Bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
- 8. Universiti Teknologi Mara (UITM) – bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
- 9. Universiti Kebangsaan Malaysia – bersama Polis Di Raja Malaysia (PDRM)

***Hadirin dan hadirat yang dihormati,***

Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada DBKK kerana menjadi rakan strategik dalam menjayakan program ini yang telah bermula pada 5 Julai 2017 dan dijangka tamat pada 30 Ogos 2017. Seramai 29 peserta terdiri daripada pelajar UMS menyertai program ini. Menerusi program *Gap Year* Kesukarelawananan ini, para pelajar memperoleh ilmu baharu.

Selain itu, mereka dapat menyelami kerja-kerja yang telah diusahakan oleh DBKK untuk menjaga persekitaran terutamanya di kawasan Kota Kinabalu yang menjadi tarikan pelancong luar dan dalam negara. Program seperti ini mengambil masa yang panjang demi menjaga dan memberikan kesedaran kepada masyarakat peri pentingnya menjaga alam sekitar. UMS di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar sentiasa membantu dari segi tenaga mahupun bantuan lain bagi menjayakan program-program yang bersifat kesukarelawanan.

***Hadirin dan hadirat yang dihormati  
sekalian,***

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk dan DBKK atas kerjasama menjayakan program Gap Year Kesukarelawanan ini. Harapan saya semoga semua peserta dapat menimba seberapa banyak ilmu yang selama berada di DBKK. Saya juga ingin memohon maaf jika ada kelakuan ataupun perkara yang tidak elok dilakukan oleh peserta kami.

Semoga jalinan kerjasama yang sedia ada antara UMS dan DBKK akan diteruskan bagi sama-sama merealisasikan matlamat dan tujuan bersama. Akhir kata, tahniah dan syabas atas komitmen yang ditunjukkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Sekian dan terima kasih.

Wabillahi al-taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh